

Kerajaan digesa henti AP eksport bauksit

BH · 5/8/2017, ms. 6

→ Langkah atasi aktiviti perlombongan mineral secara haram: GERAM

Oleh Abdul Razak Raaff dan Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Kuantan

Kerajaan perlu menghentikan pengeluaran permit kelulusan (AP) bagi mengeksport bauksit, untuk mengatasi aktiviti perlombongan mineral berkenaan secara haram.

Pengerusi Gerakan Rakyat Hentikan Pencemaran Bauksit (GERAM), Ali Akhbar Othman, berkata perlombongan haram akan terus

berlaku selagi pengusaha lombong boleh mengeksport bauksit seperti ke China, kerana ia memberi keuntungan besar.

Katanya, demi mengejar keuntungan, pengusaha akan terus mencari kaedah melombong bauksit walaupun kerajaan menguatkuasakan moratorium sejak Januari tahun lalu dan dilanjutkan sehingga Disember ini.

Simpanan tak pernah habis

"Ekoran itu, kita tengok simpanan bauksit tidak pernah habis, ikut laporan media jumlahnya ketika ketika moratorium dilaksanakan adalah 5.4 juta tan tetapi sehingga sekarang sudah 5.8 juta dieksport, jumlahnya makin bertambah dan sentiasa ada."

"Kita minta kerajaan hentikan terus eksport. Dahulu AP dikeluarkan supaya simpanan sedia ada dibersihkan dan tiada lagi kerja perlombongan tetapi yang berlaku adalah sebaliknya dengan perlombongan haram terus berlaku," ka-



Dahulu AP dikeluarkan supaya simpanan sedia ada dibersihkan dan tiada lagi kerja perlombongan tetapi yang berlaku adalah sebaliknya dengan perlombongan haram terus berlaku"

Ali Akhbar Othman,
Pengerusi GERAM

tanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas pendedahan BH mengenai pelombong mineral di daerah ini kembali melakukan kegiatan itu secara haram secara berselindung di sebalik alasan menghabiskan stok simpanan walaupun tempoh moratorium masih berkuat kuasa.

SPRM melancarkan operasi besar-besaran membanteras kegiatan perlombongan bauksit secara haram susulan pembongkaran dibuat BH dan menahan 10 kakitangan kerajaan, termasuk seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana disyaki bersekongkol dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram.

Yang turut ditahan sembilan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang, 10 individu yang ditahan reman berdepan siasatan mengikut Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009 jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen

24 akta sama iaitu penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Patut ambil serius teguran

Dalam pada itu, Ali Akhbar berkata, semua pihak perlu mengambil serius teguran dan luahan kekecewaan Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dengan tindakan pelombong bauksit haram melanggar moratorium.

"Bukan kali pertama Tuanku menyatakan kekecewaan dan arahan tindakan tegas, dahulu ketika kejadian lemas tiga kanak-kanak selepas mandi di kolam bekas lombong bauksit tetapi ia seolah-olah dipandang sepi."

"Kita minta agensi kerajaan berikan kaitan supaya ambil pesanan itu dengan serius, sekarang ini semuanya nampak senyap sahaja, banyak kelemahan sebenarnya termasuk dari segi prosedur operasi standard (SOP) yang belum ada," katanya.

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

3 pihak perinci kerjasama cegah aktiviti lombong haram

Kuantan: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan memperincikan modus operandi pemantauan bersepudu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi mencegah perlombongan haram di sini.

Timbalan Ketua Setiausaha, Datuk Dr Azimuddin Bahari, berkata perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat penyelaras yang akan diadakan di ibu pejabat kementerian itu di Putrajaya, minggu hadapan.

Beliau berkata, mesyuarat itu penting untuk pihaknya serta PDRM dan APM melaksanakan modus operandi terbaik bagi menghalang aktiviti bauksit haram seterusnya memantau aktiviti mengosongkan stok simpanan bauksit sepanjang tempoh moratorium sejak Januari tahun lalu.

"Ini termasuk membincangkan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan yang lebih komprehensif bagi memastikan aktiviti pemindahan bauksit dilaksanakan secara mapan."

"APM dan PDRM setakat ini sudah menyatakan persetujuan untuk membantu kementerian dan kita akan mengerakkan pemantauan dan kawalan bersepudu ini dalam masa terdekat," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Azimuddin mengulas kenyataan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, kelmarin mengenai kerjasama bersepudu membabitkan PDRM dan APM menerusi gerakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi mencegah perlombongan haram bauksit walaupun kerajaan melaksanakan moratorium sejak Januari tahun lalu.



Keadaan lombong bauksit yang sudah ditinggalkan di sekitar Indera Mahkota, Kuantan, semalam.



Jentera pengangkut bauksit terbiasa di ladang FELDA Bukit Goh.